

Promosi Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal & Insurans Kandungan Rumah Hong Leong

TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W) (“MSIG”) bersama-sama menyediakan **Promosi Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal, Insurans Kandungan Rumah (“Promosi”)** bermula pada 01 November 2018 dan berakhir pada 31 Januari 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Yang berikut merupakan terma dan syarat yang terpakai kepada Promosi (“T&S”):-

KELAYAKAN

1. Promosi ini, yang dianjurkan secara bersama oleh HLB dan MSIG, terbuka kepada semua rakyat Malaysia, Penduduk Tetap, Pemegang Permit Kerja / Pas Kerja atau sebaliknya diambil kerja secara sah di Malaysia serta Tanggungan mereka (“Pelanggan”) dan mereka yang membeli produk insurans berikut (yang akan dirujuk sebagai “Pelan Insurans”), yang ditaja jamin oleh MSIG, dalam talian melalui laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> (“Laman Web MSIG”) dalam Tempoh Promosi:
 - a) Insurans Perjalanan Hong Leong (“Insurans Perjalanan”); dan/atau
 - b) Insurans Pelan Penyakit Kritikal Hong Leong (“Insurans Pelan Penyakit Kritikal”); dan/atau
 - c) Insurans Kandungan Rumah Hong Leong (“Insurans Kandungan Rumah”).

Nota: (Definisi ‘Tanggungan’ adalah berbeza-beza. Sila rujuk kepada polisi insurans masing-masing untuk maklumat lanjut.)

2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan fraud, melanggar undang-undang atau salah berkaitan dengan Pelan Insurans dan/atau mana-mana kemudahan yang disediakan oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HSLIB”) dan/atau MSIG atau telah diisytiharkan bankrap atau dikenakan sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** akan layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau MSIG sebagai berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini akan terus hilang kelayakan untuk menyertai Promosi ini.
4. HLB dan MSIG mempunyai hak untuk menolak kelayakan mana-mana Pelanggan untuk Promosi ini atas sebarang sebab yang ditentukan wajar atas budi bicara tunggal dan mutlak HLB dan/atau MSIG.

MEKANISMA

5. Pelanggan yang berjaya membeli Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal dan/atau Insurans Kandungan Rumah dalam talian melalui Laman Web MSIG semasa Tempoh Promosi akan layak menerima SATU (1) e-Baucar Lazada bernilai RM10, yang akan dikeluarkan dalam bentuk kod promosi Lazada e-store (“e-Baucar Lazada”) untuk pembelian salah satu (1) Pelan Insurans (tidak termasuk cukai perkhidmatan (“SST”) dan duti setem, jika terpakai).
6. Pelanggan boleh membeli berbilang Pelan Insurans dalam Tempoh Promosi.

7. Pelanggan akan menerima e-Baucar Lazada bersama dengan Sijil e-Insurans dan Susunan Kata e-Polisi apabila transaksi berjaya melalui alamat e-melnya yang telah dikemukakan semasa proses pembelian.
8. Pelanggan bertanggungjawab memberikan butiran menghubungi yang tepat dan lengkap sebagaimana dikehendaki dalam proses pembelian. MSIG dan HLB tidak akan bertanggungjawab jika MSIG atau HLB tidak dapat menghubungi Pelanggan dengan maklumat yang dikemukakan oleh Pelanggan dalam e-borang pembelian. Sekiranya Pelanggan tidak menerima e-Baucar Lazada disebabkan oleh maklumat menghubungi yang tidak tepat atau tidak boleh dihubungi melalui cara yang sebaik mungkin dan usaha terbaik yang munasabah, MSIG mempunyai hak untuk melucutkan hak e-Baucar Lazada.
9. e-Baucar Lazada hanya sah untuk penebusan bagi pembelian yang dibuat melalui aplikasi mobil Lazada (“Lazada App”). e-Baucar Lazada sah sebelum tarikh luput seperti yang dinyatakan pada e-Baucar Lazada. Penggunaan e-Baucar Lazada juga tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Ecart Services Malaysia Sdn Bhd (983365-K) (“**Lazada**”). HLB dan MSIG tidak membuat representasi atau waranti bagi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Lazada dan sebarang aduan atau pertikaian berkenaan dengan e-Baucar Lazada di bawah Promosi ini hendaklah diselesaikan antara Pelanggan dan Lazada tanpa meminta bantuan HLB dan MSIG.
10. Pelanggan hanya boleh menggunakan satu (1) e-Baucar Lazada bagi setiap urusan niaga di Lazada App.
11. e-Baucar Lazada tidak boleh ditukar untuk tunai dan tidak boleh dipulangkan.
12. Pelanggan hendaklah memuat turun, menandatangani dan mengimbas e-mel semua dokumen biasa Pelanggan yang ditandatangani bagi insurans yang termasuk borang permohonan, borang penamaan dan borang carian fakta pelanggan kepada MSIG. Semua permohonan untuk Pelan Insurans adalah tertakluk kepada kelulusan MSIG serta terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh MSIG atas budi bicara tunggal dan mutlak MSIG. Untuk layak menyertai Promosi ini, permohonan Pelanggan untuk Pelan Insurans relevan dan bayaran premium insurans mesti diterima oleh MSIG dalam Tempoh Promosi.
13. Premium yang dibayar untuk Pelan Insurans di bawah Promosi ini tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit dan cek atau manfaat barangan.
14. Pelanggan bertanggungjawab dan akan sendirinya menanggung semua cukai terpakai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

UMUM

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:-
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh T&S Promosi dan sebarang terma dan syarat relevan lain yang dikenakan oleh HLB dan MSIG dari masa ke masa;
 - (b) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”) pada jangka masa tetap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S tersebut;

- (c) bersetuju untuk mengakses laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> pada jangka masa tetap untuk melihat dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada butiran Pelan Insurans; dan
 - (d) bersetuju bahawa keputusan HLB dan/atau MSIG ke atas semua perkara berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan akan mengikat semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mencabar keputusan tersebut tidak akan dilayan.
16. HLB dan/atau MSIG mempunyai hak untuk menambah, menghapus, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini dan/atau butiran Pelan Insurans, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atas budi bicara mutlaknyanya, melalui paparan pada Laman Web HLB dan/atau MSIG, atau dalam sebarang cara yang dianggap sesuai oleh HLB dan/atau MSIG bagi memberi notis terdahulu kepada Pelanggan tentang penambahan, penghapusan atau pindaan tersebut.
17. T&S yang terkandung di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menerima bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
18. Dokumen ini tidak dimaksudkan sebagai pelawaan atau tawaran untuk langganan Pelan Insurans dan ia bukan permintaan oleh HLB dan/atau MSIG untuk langganan Pelan Insurans oleh sesiapa. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan risalah produk / kontrak polisi sebelum melanggan produk insurans relevan.
19. T&S di sini perlu dibaca bersama terma dan syarat yang mengawal Pelan Insurans MSIG sebagai perjanjian keseluruhan. Jika berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat mana terdapat percanggahan tersebut.
20. Jika berlaku sebarang percanggahan antara T&S di sini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diguna pakai.